

MSM bina kilang baharu di Pasir Gudang

## Sasar 4 juta tan gula

Oleh NURULAI DA MANDRI  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 23 DIS.

**M**SM Malaysia Holdings Bhd. (MSM), menyasarkan kapasiti pengeluaran gula putih sebanyak empat juta tan pada 2020 sekali gus memastikan bekalannya mencukupi untuk kegunaan dalam negara.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datuk Dr. Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, untuk tujuan itu, MSM sedang membina sebuah kilang baharu di Tanjung Langsat, Pasir Gudang, Johor yang dijangka siap pada pertengahan 2017.

Katanya, pembinaan kilang baharu itu dijangka membolehkan MSM mengawal 85 peratus pasaran gula dalam negara berbanding 65 peratus pada masa ini.

"Kilang itu merupakan yang ketiga selepas MSM Prai di Pulang Pinang dan MSM Perlis yang dilihat mampu mengukuhkan kedudukan MSM untuk menerajui pasaran hadapan pengeluaran bahan utama makanan berkenaan."

"Produk gula kami telah dieksport ke lebih 10 buah negara termasuk Korea Selatan, Pakistan, China serta New Zealand dan MSM juga merancang untuk meluaskan



pasaran serta mengawal sepenuhnya pengeluaran gula di Singapura," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis penyerahan replika cek pena-jan 10,000 naskhah akhbar *Utusan Malaysia* bernilai RM12,000 sempena sambutan Maulidur Rasul yang akan berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini semalam.

Yang turut hadir Pengurus Besar Pemasaran dan Pengedaran Utusan Melayu (M) Berhad, Rosman Zulkifli dan Penolong Pengurus Komunika-

pp  
Kilang itu merupakan yang ketiga selepas MSM Prai di Pulang Pinang dan MSM Perlis yang dilihat mampu mengukuhkan kedudukan MSM untuk menerajui pasaran hadapan pengeluaran bahan utama makanan berkenaan."

**SHEIKH AWAB SHEIKH ABOD**

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM

si Korporat MSM, Muhammad Aniz Mohd. Azmi.

Dalam pada itu, Sheikh Awab berkata, pengedaran akhbar Utusan Malaysia secara percuma kepada orang ramai itu adalah salah satu inisiatif di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikatnya.

"Selain daripada CSR, objektif pengedaran naskhah percuma ini bertujuan menyemarakkan sambutan Maulidur Rasul tahun ini," ujarnya.

## Jenazah Shukri dijangka tiba awal pagi hari ini

**BESUT 23 Dis.** - Jenazah jurudandang, Mohd. Shukri Sulaiman dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang (KLIA) dari Emiriyyah Arab Bersatu, awal pagi esok.

Mohd. Shukri, 45 terbunuh apabila dandang sebuah kilang plastik di Ruwais, Abu Dhabi dalam Emiriyyah Arab Bersatu meletup pagi Sabtu lepas.

Isteri mangsa Siti Azmahani Matmat, 45, memberitahu jenazah suaminya yang diringi abang iparnya Saria Sulaiman, 52, akan diterbangkan pula ke Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, Kelantan dari KLIA.

Katanya, jenazah suami akan

dibawa ke Kampung Padang Landak, Jerteh sebaik saja tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Pengkalan Chepa kira-kira jam 8.50 pagi esok untuk pengbumian.


Dalam kejadian pagi Sabtu lepas Mohd. Sukri yang baru pulang bericuti dari kampung ke Abu Dhabi pada 15 Disember dikatakan telah mengganti tugas seorang pekerja lain untuk membuat pemeriksaan kilang itu apabila ia meletup.



**MOHD. SHUKRI SULAIMAN**

Mohd. Shukri merupakan bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Mahmud, Besut dan Sekolah Menengah Teknik Kuala Terengganu sebelum melanjutkan pengajian ke Politeknik Kulim, meninggalkan seorang balu, seorang anak perempuan dan tiga anak lelaki berumur antara 7 hingga 15 tahun.

Jenazahnya akan disemadikan di Tanah Perkuburan Alur Selisih, Padang Landak dekat sini selepas Zohor esok. - BERNAMA



**SULTAN MUHAMMAD V** (kiri) meneliti model bangunan Pondok Bunut Payong selepas mencemar duli melakukan gimik perasmian dalam majlis Perasmian dan Pelancaran Waqaf Tunai, di Kota Bharu, Kelantan, semalam. - UTUSAN/WAHIDIN SALIM

## Maik perkenal Waqaf Tunai

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB  
pengarang@utusan.com.my

**KOTA BHARU 23 Dis.** - Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V berharap program Waqaf Tunai yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) mendapat sokongan seluruh umat Islam selaras dengan objektif pelaksanaannya.

Baginda dalam titahnya juga menzahirkan ucapan terima kasih kepada Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Dr. Muhammad Fa-iz Petra selaku Yang Dipertua Maik serta pihak pengurusan majlis tersebut kerana berjaya merealisasikan pelancaran program Waqaf Tunai ini.

"Marilah kita bersama-sama berdoa kepada Allah semoga Maik mendapat barokah dan sokongan daripada seluruh umat Islam. Kita juga berharap kutipan dapat diajna bagi mencapai objektif pelan-

caran Waqaf Tunai di samping meningkatkan kesatuan ummah keseluruhannya," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika merasmikan majlis pelancaran dan perasmian Waqaf Tunai Maik di salah sebuah hotel di sini semalam.

Yang turut berangkat Tengku Dr. Muhammad Fa-iz Petra.

Selain itu, hadir sama Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob; Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd. Amar Nik Abdullah; Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad dan Timbalan Yang Dipertua Maik, Datuk Serpudin Mohamad.

Waqaf Tunai ialah program yang dikendalikan oleh Maik bagi memudahkan orang ramai berwakaf dalam bentuk wang tunai sebelum dikumpulkan untuk kegunaan menjalankan pelbagai projek untuk kesejahteraan masyarakat setempat.

Sementara itu, Serpudin ketika berucap sebelum itu berkata, pro-

jem pertama yang akan dijalankan melalui program Waqaf Tunai ini adalah untuk pembangunan Pondok Bunut Payong atau Sekolah Menengah Ugama Arab (SMUA) Sullamiah Bunut Payong di sini.

"Projek tersebut akan dilaksanakan di atas tanah seluas 0.7 hektar di Pintu Geng di sini dengan kos sebanyak RM5.6 juta. Dana yang digunakan untuk projek ini adalah melalui program Waqaf Tunai.

"(Ini wakaf) adalah saham akhirat, berwakaflah walau sedikit. Ia boleh ditambah pada bila-bila masa dan apabila dana itu mencukupi, Maik akan menukar sumbangan itu dengan membina aset kekal, seterusnya memberi manfaat kepada semua pihak.

"Sumbangan wakaf tersebut boleh disalurkan menerusi beberapa kaedah termasuk melalui dalam talian melalui portal rasmi Maik iaitu www.e-maik.my atau laman rasmi wakaf tunai, waqaf-e-maik.my atau terus ke kaunter Maik," katanya.